

# **BAB PERTAMA**

## **PENGENALAN**

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

#### **1.1. Pendahuluan**

Bahasa Arab adalah bahasa al-Quran yang mempunyai darjat yang tinggi sama ada di dunia dan di akhirat. Ia juga merupakan bahasa pertuturan ahli syurga. Bahasa Arab juga adalah bahasa kitab-kitab yang mengandungi berbagai-bagai khazanah ilmu pengetahuan.

Justeru itu, keperluan bahasa Arab dalam menghadapi era globalisasi keilmuan tidak dapat dinafikan lagi, walaupun bahasa Arab jarang dipergunakan oleh masyarakat kita di Malaysia berbanding dengan Bahasa Inggeris.

Pada pendapat penulis salah satu cara untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Arab adalah melalui teknik hafazan khususnya kalimat-kalimat Arab serta ayat-ayat suci al-Quran dan Hadith-hadith Nabi (s.a.w) yang sememangnya mempunyai nilai sastera yang tinggi dan tiada bandingannya.

## **1.2. Penyataan Masalah**

Fenomena yang tidak dapat dinafikan dewasa ini ialah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar adalah kurang memuaskan. Terdapat juga sungutan-sungutan tentang ketidakmampuan pelajar-pelajar menguasai bahasa al-Quran yang menjadi kitab induk kepada umat Islam seluruhnya dengan baik, walaupun bahasa ini telah berkembang dengan meluasnya hingga ke peringkat pusat-pusat pengajian tinggi. Penulis berpendapat bahawa sistem pendidikan pada masa ini lebih memberi penekanan kepada kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis.

Pendekatan yang diamalkan oleh para ulama silam, iaitu kaedah (metod) hafazan tidak mendapat perhatian dan diabaikan oleh kebanyakan pelajar masa kini. Golongan pelajar tidak menyedari bahawa dengan menghafaz (mengingat) teks-teks agama seperti al-Quran, Hadith dan kitab-kitab yang lain akan memudahkan proses pemahaman dan permantapan seterusnya penguasaan terhadap bahasa Arab.

Melalui disertasi ini penulis ingin mendedahkan keberkesanan kaedah hafazan dalam konteks penguasaan bahasa Arab di kalangan para ulama yang menggunakan pendekatan menghafaz disamping kemahiran yang lain.

### **1.3. Objektif Kajian**

Fokus utama kajian ini dilakukan adalah :-

- a. Untuk menunjukkan bahawa hafazan adalah salah satu teknik pembelajaran yang berkesan ke arah perkembangan dan pengukuhan bahasa Arab di kalangan pelajar.
- b. Untuk menyingkap kembali teknik pembelajaran yang digunakan di peringkat institusi pondok oleh cendiakawan-cendiakawan agama yang terdahulu.
- c. Untuk melihat keberkesanan kaedah hafazan yang diamalkan oleh ulama silam dalam penguasaan bahasa Arab

### **1.4. Kepentingan Kajian**

- Kajian ini penting bagi menunjukkan bahawa hafazan al-Quran khususnya dan teks-teks bahasa Arab yang lain amnya membantu ke arah pengukuhan dan pemantapan bahasa Arab.
- Kajian ini penting agar generasi masa kini mempelopori semula kaedah hafazan yang jarang digunakan dewasa ini dalam sistem pembelajaran.

- Kajian ini penting untuk menyingkap kembali kegemilangan generasi awal dalam konteks penguasaan ilmu melalui kaedah hafazan secara total.

#### **1.5. Batas Kajian**

Tumpuan kajian ini terbatas kepada hafazan secara totalnya sebagai metod pembelajaran bahasa Arab dan tidak merangkumi kemahiran-kemahiran yang lain.

Penulis juga memberi penumpuan kepada para ulama dan cerdik pandai Islam yang telah berjaya serta menjadi rujukan sehingga kini. Kajian ini melibatkan ulama silam dan ulama zaman moden yang menghafaz al-Quran, Hadith, sajak dan kitab-kitab agama.

Serentak dengan itu penulis juga memaparkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kajian sahaja tanpa pendetailan.

#### **1.6. Metodologi Kajian**

Metod kajian adalah amat penting supaya sesuatu kajian itu dapat diuraikan dengan lebih kemas dan mantap. Penggunaan kaedah metodologi ini, data-data dan fakta dapat diuraikan dengan baik agar bertepatan dengan kehendak tajuk demi menjamin mutu penulisan.

### **1.6.1. Metod Kajian Perpustakaan**

Perpustakaan adalah sumber bagi penulis untuk mencari bahan-bahan dan data-data yang membantu penulis menyiapkan disertasi ini. Penulis berkesempatan membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Insaniah Alor Setar Kedah dan Perpustakaan Awam Alor Setar.

Banyak kitab agama, buku bahasa dan buku-buku yang berkaitan dirujuk oleh penulis sama ada moden atau tradisional. Antaranya buku-buku tersebut seperti berikut :-

- Dalam bidang al-Quran dan tafsir ialah *al-Qur'ān al-Karīm*, *Tafsīr al-Tabariyy*, *Tafsīr al-Khāzīn*, *Tafsīr Anwā' al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl*, *al-Tafsīr Wa al-Mufassirūn*, *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, *Baḥr al-Ulūm* dan lain-lain.
- Dalam bidang hadith ialah *Fatḥ al-Bārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmiziyy*, *Sunan al-Nasā'iyy*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan al-Baihaqīyy*, *al-Musnad*, dan lain-lain.
- Dalam bidang fiqh ialah *Rauḍat al-Tālibīn*, *Syarḥ Ibn Ruslān (Matan Zubad)*, *al-Fiqh al-Islāmiyy Wa Adillatuh* dan *Usūl al-Fiqh al-Islāmiyy* dan lain-lain.
- Dalam bidang Tasauf ialah *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* dan *al-Risālat al-Qusyairīyyat* dan lain-lain.

- Dalam bidang bahasa Arab ialah *al-Muzhir Fi' Ulūm al-Lughat*, *Fiqh Lughat Wa Sirr al-'Arabiyyat*, *al-Balāghat al-Wāḍīhat*, *al-Bayān Wa al-Tabyīn*, *Tārīkh al-Adab al-'Arabiyy* ( *al-'Asr al-Islāmiyy* / *al-'Asr al-Jāhiliyy* ), *Fann al-Tadrīs Li al-Lughat al-'Arabiyyat* dan lain-lain.
- Dalam bidang ṭabaqāt ialah *Tabaqāt al-Qurrā'*, *Tabaqāt al-Mufassirīn*, *Tabaqāt al-Huffāz*, *Tabaqāt Syāfi'eyy*, *Tabaqāt al-'Asfiyā'*, *Tabaqāt al-Muḥadithīn*, *Tabaqāt asy-Syu'arā'* dan lain-lain.
- Dalam bidang mukjam ialah *al-Mu'jam Li al-Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, *Mu'jam Lughat al-Fuqahā'*, *al-Mu'jam Fi' al-Adab*, *al-Mu'jam al-Mufahras Li al-'Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawiyy*, *al-Misbāḥ al-Munīr*, *Kamus al-Marbawiyy*, *al-'Ifsāḥ Fi' Fiqh al-Lughat* dan lain-lain.

#### 1.6.2. Metod Temubual

Untuk mendapat maklumat dan bahan, penulis juga mengadakan perbincangan dengan enam orang guru tafsīz dan temubual dengan sepuluh orang tokoh veteran agama yang mendapat pendidikan awal bahasa Arab di Timur Tengah.

Cara ini membantu penulis mendapat maklumat dan data yang terperinci serta dapat mencungkil khazanah silam untuk memperkuuhkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.

## **1.7. Rangka Kajian**

Kajian ini mempunyai lima bab. Bab pertama merupakan pendahuluan bagi bab-bab berikutnya. Di dalam bab ini penulis akan paparkan penyataan masalah, kajian terdahulu, objektif kajian, kepentingan kajian, batas kajian, metod kajian serta rangka kajian yang berkaitan dengan topik ini.

Bab kedua pula membincangkan pengertian hafazan diikuti dengan kepentingan hafazan serta pandangan pakar-pakar bahasa, ulama silam dan alim ulama masa kini mengenainya.

Di dalam bab ketiga pula penulis akan membentangkan ulama dan hafazan mengikut bidang-bidang yang menjadi asas kepada ilmu pengetahuan. Di antara bidang-bidang tersebut ialah bidang *al-Quran dan Qirāāt, Tafsir, Hadith, Tauhid, Fiqh, Taṣauf* dan *Bahasa*.

Seterusnya dalam bab keempat, penulis menghuraikan secara terperinci hubungan hafazan dan sistem pendidikan di zaman Rasulullah (s.a.w), kemudian dibentangkan pula sistem pendidikan di zaman khulafā' al-Rāsyidīn. Penulis membentangkan juga sistem pendidikan di zaman Tābi'iñ dan penyudahnya sistem pendidikan di zaman pondok di Malaysia.

Dalam bab kelima, penulis akan memaparkan huraian tentang hafazan dan pembelajaran bahasa Arab dari sudut uslūb, nahu, şaraf, mufradāt dan sastera Arab.

Manakala dalam bab keenam, iaitu penutup, penulis membuat rumusan serta saranan-saranan khusus dan juga umum.

#### **1.8. Penutup**

Harapan penulis agar kajian ini akan membuka minda cerdik pandai Islam untuk mencungkil sumber khazanah peninggalan Nabi Muḥammad (s.a.w), para sahabat dan ulama-ulama silam agar ianya menjadi satu metod yang unggul dalam mempelajari Bahasa Arab dan agama Islam.

Diharap hasil dari kajian ini akan menjadi satu sumbangan kepada pengkaji-pengkaji pedagogi secara umumnya dan pelajar-pelajar serta tenaga pengajar bahasa Arab secara khususnya.